

KERAJAAN MALAYSIA

---

**SURAT PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 1996**

---

**GARIS PANDUAN MENGENAI PENGLIBATAN  
ANGGOTA-ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM  
DALAM KEGIATAN-KEGIATAN SUKAN  
KOMANWEL KL '98**

**JABATAN PERDANA MENTERI  
MALAYSIA**

7 Mac 1996

Dikelilingkan Kepada:

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan

Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan

Pihak-Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

*Rujukan Kami :* JPM(BK)1.1/69/1111/4

*Tarikh :* 7 Mac 1996

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian  
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri  
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan  
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan  
Pihak-Pihak berkuasa Kerajaan Tempatan

---

**SURAT PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 1996**

---

**GARIS PANDUAN MENGENAI PENGLIBATAN  
ANGGOTA-ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM  
DALAM KEGIATAN-KEGIATAN SUKAN  
KOMANWEL KL '98**

**TUJUAN**

Surat Pekeliling Am ini bertujuan untuk memberi garis panduan berhubung dengan penglibatan Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam dalam kegiatan-kegiatan Sukan Komanwel KL '98.

**LATARBELAKANG**

2. Seperti mana termaklum, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Sukan Komanwel KL '98 yang akan diadakan dari 10 hingga 20 September 1998. sebuah syarikat SUKOM NINETY EIGHT BERHAD telah ditubuhkan untuk mengurus dan mengendalikan Sukan tersebut.

3. Selain daripada persediaan sebagai tuan rumah, Malaysia juga perlu menyediakan atlit-atlit negara untuk mengambil bahagian dalam Sukan tersebut. Majlis Sukan Negara adalah dipertanggungjawabkan dengan urusan persediaan para atlit negara.

### **PERATURAN DAN GARIS PANDUAN**

4. Sukan Komanwel KL '98 sebagai satu acara nasional yang mempunyai unsur kepentingan negara dijangka melibatkan secara langsung ramai anggota Perkhidmatan Awam. Sehubungan ini Kerajaan telah menetapkan bahawa penglibatan Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam Perkhidmatan Awam dalam Sukan Komanwel KL '98 adalah dianggap sebagai menjalankan tugas-tugas bagi kepentingan Kerajaan dan dengan itu mereka berkelayakan mendapat kemudahan-kemudahan seperti mana berikut:

- (i) Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam yang menjalankan tugas-tugas rasmi Jabatan masing-masing (tidak termasuk atlit dan pegawai teknikal kejohanan seperti jurulatih, hakim, juri atau pegawai-pegawai yang terlibat dengan pengelolaaan pertandingan dan pertandingan dan pasukan) adalah berkelayakan menuntut elaun, kemudahan dan bayaran kerana menjalankan tugas rasmi seperti yang diperuntukan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 2 Tahun 1992 (Awam) atau Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3 Tahun 1992 (Polis) atau Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT) 10/92 (Tentera), mengikut mana yang berkenaan, di samping elaun, kemudahan dan bayaran lain yang layak bagi mereka mengikut peraturan-peraturan yang berkuatkuasa sekarang;
- (ii) Anggota-Anggota Perkhidmatan Awam yang dipilih bertugas sebagai pegawai teknikal kejohanan seperti hakim, juri dan sebagainya bagi membantu mengelolakan pertandingan, menghadiri mesyuarat atau menganggotai jawatan-jawatankuasa berkaitan, sebelum, semasa dan selepas sesuatu pertandingan di bawah pengelolaan SUKOM NINETY EIGHT BERHAD, boleh diberi kemudahan cuti tidak berekod berdasarkan tempoh sebenar yang diperlukan, oleh Ketua Jabatan

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

**(TAN SRI DATO'SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID)**

*Ketua Setiausaha Negera*